

Penyokong2 mahu pertukaran pimpinan

Dua calon akan tentang Aishah?

Oleh

JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani dijangka akan ditentang dalam pemilihan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dalam Perhimpunan Agung Pergerakan tersebut Jun depan.

Berita Minggu difahamkan dua calon, iaitu Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz dan Exco Kerajaan Negeri Selangor, Datin Paduka Zaleha Ismail dijangka memberi tentangan hebat untuk merebut jawatan tersebut.

Datin Paduka Hajjah Aishah memegang jawatan tersebut sejak 10 tahun lalu bila beliau berjaya mengalahkan Tan Sri Hajjah Fatimah Hashim.

Belliau terus memegang jawatan berkenaan tanpa ditentang mana-mana pihak hingga sekarang.

Berita Minggu difahamkan keputusan Datin Paduka Rafidah dan Datin Paduka Zaleha untuk

bertandang memandangkan keadaan dan perubahan dalam tindakan Wanita UMNO sekarang.

Penyokong kedua belah pihak mahukan satu pertukaran pucuk pimpinan berlaku agar Wanita UMNO dapat bergerak lebih berkesan dan kukuh lagi.

Mereka berpendapat perubahan pucuk pimpinan adalah penting dalam memastikan pertukaran dasar berlaku dalam Wanita UMNO sendiri.

"Wanita UMNO perlu pucuk pimpinan baru jika ia mahu terus berkembang dan progresif," kata seorang pemimpin Wanita UMNO.

Lagi pun, Katanya, Datin Paduka Aishah secara peribadi telah menyatakan kesediaan beliau mengundurkan diri jika ada pemimpin yang sanggup memberi sumbangan.

Berita Minggu difahamkan ada bahagian-bahagian Wanita UMNO telah menganjurkan supaya Datin Paduka Hajjah Aishah mengundurkan diri dari memimpin pergerakan tersebut.

Tetapi, setakat ini tidak ada keputusan muktamad yang diberi

oleh beliau.

Sumber-sumber rapat dengan Datin Zaleha memberitahu, Datin Paduka Zaleha memang berhasrat untuk bertandang tetapi setakat ini beliau mengambil sikap "Tunggu dan lihat" perkembangan seterusnya.

Bagaimanapun, sekarang ini Datin Paduka Zaleha sedang menyelam perasaan dan hasrat ahli-ahli Wanita UMNO sama ada perlu atau tidak bertandang.

Begitu juga Datin Paduka Rafidah sedang menghubungi penyokong-penyokongnya sebelum membuat sebarang keputusan positif.

"Keputusan akan dibuat sebaik sahaja nama-nama mereka dicalonkan oleh perwakilan bahagian-bahagian.

"Sehingga ini Datin Paduka Rafidah tidak membuat kata putus tetapi membiarkan penyokong-penyokongnya bergerak," kata kawan rapat Datin Paduka Rafidah.

Pemerhati politik meramalkan jika pertandingan tiga penjurui ini berlaku untuk merebut jawatan Ketua Wanita UMNO, ia merupakan yang paling hebat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia